

15 JUN 1998

GALERIA PERDANA ANTARA YANG DIADILI PANEL HAKIM HARI KEBANGSAAN

LANGKAWI, 15 Jun (Bernama) -- Galeria Perdana, bangunan yang menempatkan koleksi cenderamata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, ialah antara lima bangunan kerajaan dan swasta yang diadili oleh panel hakim dalam pertandingan landskap Hari Kebangsaan 1998 peringkat negeri.

Galeria Perdana yang menyertai kategori bangunan awam/keselamatan diadili panel hakim terdiri daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Pertanian.

Penolong Pegawai Daerah Langkawi Syed Shahrudin Syed Abdullah hari ini berkata pertandingan anjuran kerajaan itu diadakan sempena Hari Kebangsaan bagi menjadikan negara ini sebuah taman indah dan menarik.

Beliau berkata pemilihannya berdasarkan ciri-ciri penjagaan, kehijauan, keceriaan serta bunga-bunga berwarna warni.

Selain itu, Kompleks Pejabat Daerah Langkawi menyertai kategori pejabat kerajaan/institusi persekutuan, negeri dan daerah dan Kompleks Sukan dalam kategori kompleks/bangunan swasta.

Katanya hotel lima bintang, The Andaman di Teluk Datai pula dimasukkan dalam kategori hotel/kompleks pelancongan kondominium/resort manakala pemandangan indah Bukit Cengkuan diadili dalam kategori taman awam/rekreasi.

Juara pertandingan bagi setiap kategori akan mewakili Kedah pada pertandingan peringkat kebangsaan tidak lama lagi.

-- BERNAMA

NH FAZ